- Naik Taraf Landskap Taman Awam Bera, Pahang.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Kuala Lipis, Pahang.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Lata Janggut, Jeli, Kelantan.
- Naik Taraf Landskap Taman Tasik Pentadbiran, Serdang, Kedah.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Padang Terap, Kedah.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu.
- Naik Taraf Landskap Padang Bandaran, Pusat Bandar Sandakan, Sabah.
- Naik Taraf Landskap Taman Esplanade Sipitang, Sabah.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Lot 4181, Block 14, Salak Land District, Kuching Family Park, Kuching, Sarawak.
- Naik Taraf Landskap Taman Rekreasi Ranchan, Serian, Sarawak.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Pantai Irama Bachok, Kelantan.
- Naik Taraf Landskap Taman Tasik Chatin, Mentakab, Pahang.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Pending, Kuching, Sarawak.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Taman Saujana Utama, Jerantut, Pahang.
- Naik Taraf Landskap Taman Awam Mahsuri, Kulim, Kedah.

Key Performance Indicator (KPI)

JABATAN LANDSKAP NEGARA



MEMBANGUNKAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN BERKUALITI

Program Persekitaran Kehidupan merupakan program peningkatan kualiti persekitaran kehidupan masyarakat melalui pendekatan landskap. Program ini membangunkan kawasan landskap di persekitaran kawasan perumahan, khususnya di kawasan perumahan berkepadatan tinggi dengan penyediaan ruang landskap yang berkualiti dan berfungsi bagi tujuan peningkatkan kualiti hidup dan interaksi sosial masyarakat.



Bagi tahun 2022, Jabatan Landskap Negara telah mencapai 100% sasaran 11 projek Persekitaran Kehidupan.

- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor (Jalan Wawasan 1)
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Padang Taman Samudera, Gombak, Selangor.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Kawasan Lapang Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Pantai Sri Tujuh, Tumpat, Kelantan.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Bandar Baru Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Makmur, Kok Lanas, Ketereh, Kelantan.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Bandar Utama Gua Musang, Kelantan.
- Pembangunan Landskap Riverfront Batu Kawah, Padawan, Sarawak.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor (Taman Seri Watan).
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Saujana Hijau, Presint 11, Putrajaya.
- Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan di Taman Desa Cempaka, Nilai, Negeri Sembilan.



PEMBANGUNAN LANDSKAP PERBANDARAN YANG KOMPREHENSIF

Pelbagai projek telah dirangka untuk membantu mencapai usaha melandskapkan negara. Ia meliputi kawasan perbandaran, jalan raya, tepian sungai/laut, kawasan perumahan/kampung dan bangunan kerajaan.

Bagi tahun 2022, Jabatan Landskap Negara telah mencapai 100% sasaran 1 projek Pembangunan Landskap.

- Pembangunan Landskap Perbandaran Batu Pahat, Johor.



PEMBANGUNAN TAMAN AWAM

- Pembangunan Taman Awam
- Pembangunan Taman Persekutuan
- Naik Taraf Taman Awam



PEMBANGUNAN TAMAN AWAM

TAMAN AWAM TEPIAN SUNGAI MUAR, TANJUNG AGAS, TANGKAK,
JOHOR

OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai tahap keberkesanan dan kesesuaian pembangunan taman ini dalam memenuhi keperluan penduduk. Skop kajian termasuklah :

- Menilai tahap keberkesanan fungsi kawasan riadah dalam membantu mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.
- Menilai kualiti komponen taman, kemudahan rekreasi dan riadah yang disediakan.
- Menilai tahap keberkesanan taman ini sebagai medan integrasi sosial.
- Menilai tahap keberkesanan akses kepada ruang rekreasi dalam menggalakkan gaya hidup sihat.



KAJIAN PENILAIAN OUTCOME TAMAN AWAM TEPIAN SUNGAI MUAR, TANJUNG AGAS, TANGKAK, JOHOR

LATAR BELAKANG

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Taman Awam telah mengadakan Kajian Penilaian Outcome bagi projek Taman Awam Tanjung Agas yang telah siap dibina dan dibuka kepada orang awam sejak tahun 2020.

Kajian ini dibuat bagi mengukur keberkesanan projek pembangunan yang telah siap dan digunakan kepada golongan sasaran dari segi sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar.

Hasil kajian ini telah dihantar dan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome, JKPO Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.



Pembangunan Taman Awam



PELAKSANAAN KAJIAN

Projek Taman Awam Tanjung Agas ini telah dipilih berdasarkan kesan berganda yang dijangka dari projek ini dan juga pengenalpastian golongan sasaran. Golongan sasaran untuk projek ini terdiri dari pelbagai peringkat umur dari kanak-kanak sehingga golongan yang sudah berusia dan juga golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Antara kesan berganda yang telah dikenalpasti adalah penyediaan ruang rekreasi dan riadah yang menggalakkan

nilai murni dan gaya hidup aktif, mewujudkan hubungan komuniti yang lebih baik dan juga meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Pengumpulan maklumat untuk data primer adalah melalui Borang Kaji Selidik dan juga melalui temubual ringkas bersama pengunjung di taman. Kajian lapangan ini telah dijalankan selama 4 hari bermula 14 Oktober 2022 sehingga 17 Oktober 2022 dengan disertai oleh beberapa pegawai dari Bahagian Taman Awam dan dibantu oleh pegawai-pegawai dari pihak Majlis Daerah Tangkak.



RINGKASAN SASARAN DAN HASIL OUTCOME

Terdapat 7 outcome yang telah dikenalpasti iaitu:

1 Memberi maklum balas kepada PBT berhubung permohonan pembangunan landskap dalam tempoh 7 hari bekerja.

2 Penambahan kawasan lapang kategori taman tempatan di Daerah Tangkak.

3 Purata bilangan pengguna taman di antara 3550 orang seminggu.

4 80% kemudahan rekreasi yang disediakan digunakan.

5 Sasaran 5 (lima) aktiviti utama dilaksanakan di taman berdasarkan kemudahan disediakan.

6 80% pengunjung mengalami peningkatan kualiti hidup.

7 80% pengunjung menggunakan taman untuk berinteraksi di antara pengunjung.



Pembangunan Taman Awam

OUTCOME 1

100% projek yang mematuhi RSN bagi pembangunan kawasan lapang yang telah diwartakan. Pematuhan kepada Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) bagi pembangunan Kawasan lapang / rekreasi telah diwartakan seperti dalam Rancangan Tempatan Daerah Tangkak 2030.

OUTCOME 2

Pembinaan taman ini telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 2.47% kawasan rekreasi kategori taman bandar/taman tempatan yang dibangunkan di daerah Tangkak.

OUTCOME 3

35.8% peningkatan dari sasaran purata kehadiran pengunjung iaitu di antara 5300 orang seminggu dengan lebih 30.9% responden tinggal lebih 15km jarak dari rumah ke taman.

OUTCOME 4

1.93% responden menggunakan komponen yang disediakan di taman semasa mengunjungi taman ini. 32.8% responden pergi ke taman untuk beriadah dan 30.7% responden datang membawa keluarga untuk bermain di playground.



Pembangunan Taman Awam

OUTCOME 5

92.6% responden bersetuju bahawa dengan kewujudan taman ini membantu mereka meningkatkan kualiti hidup. 92% responden mengatakan mereka berasa gembira selepas mengunjungi taman ini manakala 78% berasa lebih sihat setelah beraktiviti di taman ini.

OUTCOME 6

1.80% pengunjung mengalami peningkatan kualiti hidup. 92% responden mengatakan mereka berasa gembira selepas mengunjungi taman ini manakala 78% berasa lebih sihat setelah beraktiviti di taman ini. Disamping itu, 84.7% responden bersetuju bahawa stamina mereka lebih baik setelah mengunjungi dan melakukan aktiviti di taman ini.



OUTCOME 7

83% responden mengatakan bahawa mereka tidak kekok berinteraksi dengan pengunjung taman yang lain walaupun berbeza kaum, agama dan bangsa. 98.8% responden pula menyatakan mereka selesa ketika menggunakan taman ini. Seterusnya, 96.3% responden berasa selamat menggunakan taman ini untuk beraktiviti.

RUMUSAN

Pembinaan projek Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas, Tangkak, Johor telah berjaya memberikan kesan positif kepada penduduk hasil daripada perancangan yang sempurna, kerjasama semua agensi di peringkat Kementerian, Jabatan, Negeri dan PBT serta penglibatan komuniti secara keseluruhannya.

Dengan kos projek keseluruhan 9,055,549.03 juta (kos pelaksanaan), Projek Pembangunan Taman Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas, Tangkak, Johor telah berjaya mencapai objektif bagi membangunkan sebuah kawasan rekreasi yang dapat memberi manfaat kepada 136,864 orang penduduk iaitu jumlah populasi di Daerah Tangkak.

Lebih 96% penduduk bersetuju bahawa pembinaan taman awam ini selamat dan selesa dari segi kualiti komponen taman dan kemudahan rekreasi dan memudahkan mereka untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan rekreasi.

Taman ini telah berjaya menjadi ruang hijau dan rekreasi yang berkualiti untuk penduduk daerah Tangkak di samping menjadi ikon and mercu tanda Daerah Tangkak.





PEMBANGUNAN TAMAN PERSEKUTUAN

TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

Sumber: Friends of Bukit Kiara



Taman Persekutuan ialah program pembangunan taman berskala besar (100 ha) dan mengutamakan pengekalan sumber semula jadi untuk rekreasi yang dibangun dan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

Tapak cadangan yang mempunyai keluasan minimum bagi taman persekutuan ialah 250 ekar dan dari segi hierarki ia dikira Taman Wilayah.

Pada 26 Jun 2007, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah Taman Awam Berskala Besar (TABB) seluas 466.86 ekar di Bukit Kiara, Kuala Lumpur melalui pendekatan Taman Persekutuan yang terletak di kawasan Lot 54270 Jalan Changkat Haji Abang Openg, TTDI, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Khidmat Penceramah/ Fasilitator Pegawai Taman Persekutuan



KURSUS LANDSKAP DAN DEKORASI KEM KEPADA PEMBANTU AWAM GRED H11 ANJURAN INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD), KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan satu sesi latihan kepada pegawai-pegawainya dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang penyelenggaraan landskap. Pihak i-LEAD telah memohon kepakaran pihak Jabatan Landskap Negara dalam menyediakan silibus serta menghantar pegawai sebagai penceramah untuk latihan ini.

Encik Adnan bin Baharudin dan Encik Muhammad Harith Firdaus bin Halim, pegawai-pegawai dari Bahagian Taman Persekutuan yang mempunyai pengalaman luas pengurusan Taman Persekutuan telah ditugaskan sebagai penceramah/fasilitator bagi kursus tersebut.





Pada 27 Julai 2022, Kursus Landskap dan Dekorasi Kem bagi Pegawai Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) Tahun 2022 telah diadakan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bandar Baru Bangi, Selangor serta latihan amali diadakan di Taman Persekutuan Bukit Kiara.

MAKLUMAT KURSUS

Tarikh	27 Julai 2022 (Jumaat)
Tempat	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bandar Baru Bangi, Selangor
Penganjur	Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan

Seramai 60 orang peserta telah menyertai kursus tersebut yang terdiri daripada pegawai yang berjawatan pembantu awam Gred H11 yang dipertanggungjawabkan menguruskan kebersihan persekitaran dan landskap di Akademi Kenegaraan dan Kem Wawasan Negara di seluruh Malaysia.

Dengan adanya kerjasama seperti ini dapat memberi gambaran kepada agensi serta organisasi luar terutamanya peserta kursus kepada budaya dan kecintaan landskap. Dengan ini, peserta dapat menerapkan ilmu yang dikongsikan bersama di dalam menjalankan tugas sehari-hari mereka.

Kursus tersebut diakhiri dengan latihan amali ke Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Lawatan ini dapat memberi pendedahan kepada peserta secara hands-on mengenai teknik serta prosedur bagi kerja-kerja penyelenggaraan taman.



Sesi Libat Urus Peringkat Sebelum Pembinaan Projek Pembangunan Zon Pentadbiran Fasa 1b. Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur



Pada 6 Disember 2022, Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Kerja Raya telah mengadakan satu sesi libat urus (Public Engagement) peringkat sebelum pembinaan bagi pematuhan Kebenaran Merancang bagi Projek Pembangunan Zon Pentadbiran Fasa 1B, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur diadakan di Bilik Latihan Cempaka, Aras 7, Parcel F10, Jabatan Landskap Negara.

TUJUAN

Tujuan utama sesi libat urus dilaksanakan adalah bagi menjelaskan mengenai kepentingan melaksanakan Projek Pembangunan Zon Pentadbiran dalam usaha Jabatan Landskap Negara untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dalam pengurusan Taman Persekutuan Bukit Kiara.

Program ini melibatkan komunikasi dua hala antara kerajaan dan penduduk setempat selaras dengan aspirasi kerajaan dalam menitikberatkan keseimbangan komuniti dalam pembangunan supaya pemacuan pertumbuhan negara dirasai oleh semua golongan. Sesi pembentangan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JLN, YBrs Tn Haji Mansor Bin Mohamad dan diteruskan dengan sesi pembentangan dari pihak perunding. Ia dilihat sebagai satu kejayaan dalam mendapatkan kerjasama dan komitmen antara pihak-pihak yang berkepentingan di dalam projek pembangunan taman persekutuan Bukit Kiara.





Sesi libat urus ini telah dihadiri oleh seramai 81 orang daripada pelbagai agensi dan individu yang mempunyai kepentingan dalam pembangunan Taman Persekutuan Bukit Kiara. Kebanyakan dari peserta adalah mewakili agensi-agensi seperti Jabatan Perancangan Bandaraya (DBKL), Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur, Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Segambut, Pejabat Cawangan Segambut, Balai Polis Taman Tun Dr Ismail, Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail 2, Friends of Bukit Kiara (FoBK), TTDI Resident's Association (TTDIRA), Global Environment Center, Yayasan Hash Heritage, Wisma WIM, Badan Amal Dan Kebajikan Isteri-Interi Menteri Dan Timbalan Menteri (BAKTI), Pusat Kreatif Kanak-Kanak Tuanku Bainun, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga, Perunding - Perunding dan pihak kontraktor.

MAKLUMAT SESI

Tarikh	6 Disember 2022
Tempat	Billik Latihan Cempaka, Aras 7, Parcel F10, Jabatan Landskap Negara
Penganjur	Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Kerja Raya



Aktiviti di Taman Persekutuan Bukit Kiara sepanjang tahun 2022

OGOS 2022

6-7 OGOS 2022

Agensi/ Syarikat	Cik Emily
Program	Zumba Cardio Workout
Peserta	3 orang dengan musikal speaker
Masa	7.30 pagi hingga 9.30 pagi



6-7 OGOS 2022

Agensi/ Syarikat	Unicorn Marketing Sdn. Bhd.
Program	Promosi 'Bon Estate' - perumahan
Peserta	3 orang dengan van Bon Estate
Masa	4.00 petang hingga 7.00 malam



11-13,26 & 27 OGOS 2022

Agensi/ Syarikat	FOBK
Program	"Magical Mysterries of Fire Flies"
Peserta	50 orang dewasa dan 5 orang kanak-kanak
Masa	8.00 malam hingga 11.00 malam



OGOS 2022

6-7 OGOS 2022

Agensi/ Syarikat	BPO Malaysia
Program	Merdeka Fun Run
Peserta	100 orang dewasa dan 20 orang kanak-kanak
Masa	7.00 pagi hingga 2.00 petang



SEPTEMBER 2022

3, 8, 9, 10, 22 & 24
SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	FOBK
Program	"Magical Mysterries of Fire Flies"
Peserta	50 orang dewasa dan 5 orang kanak-kanak
Masa	8.00 malam – 11.00 malam



SEPTEMBER 2022

10 SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Ms. Liew Khai Sin
Program	'Talent Show Storytelling'
Peserta	50 orang termasuk kanak-kanak
Masa	8.00 pagi – 3.00 petang



12 SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	JS Pictures Production
Program	Penggambaran drama 'Nikah, cerai & Rujuk'
Peserta	35 orang
Masa	7.00 pagi – 6.00 petang



17 SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Program	'Plogging' dan Kibar Jalur Gemilang
Peserta	60 orang
Masa	8.00 pagi – 6.30 petang



SEPTEMBER 2022

22 SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Jabatan Landskap Negara
Program	Latihan GPS dan Penggunaan Alat GPS
Peserta	20 orang
Masa	8.30 pagi – 5.00 petang



26 SEPTEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Imaginiers Film PLT Production
Program	Penggambaran Komersil Allianz CEO
Peserta	10 orang
Masa	8.00 pagi – 3.00 petang



OKTOBER 2022

1-30 OKTOBER 2022

Agensi/ Syarikat	Global Environment Centre (GEC)
Program	Penanaman Pokok Bersama Petronas
Peserta	5 orang
Masa	8.00 pagi – 1.00 petang



11 – 12 OKTOBER 2022

Agensi/ Syarikat	Razor Production Team
Program	Super Tele Movie Tamil : 32 Jam
Peserta	30 orang
Masa	7.30 pagi – 2.00 petang



OKTOBER 2022

13,14,15,28,29 & 30 OKTOBER 2022

**Agensi/
Syarikat**

FOBK

Program

Magical Mysterries of Fire Flies

Peserta

30 orang dewasa dan 5 orang kanak-kanak

Masa

8.00 malam – 11.00 malam



22 OKTOBER 2022

**Agensi/
Syarikat**

Salcon Berhad

Program

Salcon Smart Water Programmer

Peserta

10 orang

Masa

8.00 pagi – 2.00 petang



NOVEMBER 2022

5 & 6 NOVEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	White Plates PLT
Program	Promotion Stronk DDCC Coffe
Peserta	15 orang
Masa	7.00 pagi – 1.00 tengah hari



7 NOVEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Qube Era Entertainment
Program	Super Tele Movie Tamil ; Omrat
Peserta	30 orang
Masa	7.30 pagi – 3.00 petang



NOVEMBER 2022

12 NOVEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Salcon Berhad
Program	Salcon Smart Water Programmer
Peserta	20 orang
Masa	8.00 pagi – 2.00 petang



10,11,12.25 & 26 NOVEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	FOBK
Program	Magical Mysterries of Fire Flies
Peserta	25 orang dewasa dan 2 orang kanak-kanak
Masa	8.00 malam – 11.00 malam



DISEMBER 2022

3 DISEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	Run Fast Academy Sdn. Bhd.
Program	Workshop Training For Long Run
Peserta	30 orang
Masa	7.30 pagi – 3.00 petang



8,9,12,26 DAN 29 DISEMBER 2022

Agensi/ Syarikat	FOBK
Program	Magical Mysteries of Fire Flies
Peserta	25 orang dewasa dan 7 orang kanak-kanak
Masa	8.00 pagi – 11.00 malam





**NAIK TARAF TAMAN
AWAM**



PENGENALAN

Program Naik Taraf Taman Awam (NTTA) bertujuan untuk menambah dan menaiktaraf fungsi serta kualiti kemudahan rekreasi di taman kejiranan dan taman awam sedia ada.

Objektif program ini adalah untuk memastikan akses kepada kemudahan rekreasi di kawasan PBT berada dalam keadaan baik dan selamat serta fungsi sesuatu taman dapat dipertingkatkan.

Ia meliputi kerja-kerja penambahan kemudahan taman seperti alatan permainan kanak-kanak, litar cergas, wakaf, siar kaki, perabot taman/jalan, tempat letak kereta, pergola, arca, landskap lembut dan penyelenggaraan dalam tempoh kontrak.



KRITERIA PEMILIHAN TAPAK

- Kawasan lapang / taman awam sedia ada
- Keluasan 5- 20 ekar
- Lingkungan jarak pejalan kaki 1.5km dari kediaman
- Hakmilik / kawalselia PBT & diwartakan kawasan lapang
- Bebas dari bencana serta kemudahsampaian yang baik
- Bebas dari masalah setingan dan tiada pertindihan pembangunan dengan agensi lain Tapak merupakan kawasan tumpuan dan berpotensi untuk dibangunkan
- PBT yang mempunyai unit atau bahagian landskap akan diutamakan

NAIK TARAF TAMAN AWAM PENDING, KUCHING, SARAWAK

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
Keluasan	13.0 ekar
Lokasi	Taman Awam Pending, Kuching
Populasi Penduduk	300,000 Orang
Kontraktor	SHUMS Enterprise
Kos Kontrak	RM 494,447.50
Tarikh Mula	22.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	7.12.2022





NAIK TARAF TAMAN BERTAM PUTRA, PULAU PINANG

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Bandaraya Seberang Perai
Keluasan	9.8 ekar
Lokasi	Taman Bertam Putra
Populasi Penduduk	405,100 Orang
Kontraktor	MH Mega Enterprise
Kos Kontrak	RM 419,099.00
Tarikh Mula	23.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	14.11.2022





NAIK TARAF LANDSKAP LAMAN RIVERA, TANJUNG AGAS, TANGKAK, JOHOR

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Tangkak
Keluasan	7.51 ekar
Lokasi	Tangkak
Populasi Penduduk	163,449 Orang
Kontraktor	Adib Irfan Bina Enterprise
Kos Kontrak	RM 490,562.70
Tarikh Mula	11.09.2022
Tarikh Siap Sebenar	30.12.2023





NAIK TARAF LANDSKAP MENGKIBOL RIVER PARK, KLUANG, JOHOR

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Kluang
Keluasan	3 ekar
Lokasi	Kluang
Populasi Penduduk	323,762 Orang
Kontraktor	Trans Cleaning Services
Kos Kontrak	RM 476,046.00
Tarikh Mula	02.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	30.12.2023





NAIK TARAF TAMAN AWAM TASIK CHATIN, MENTAKAB, PAHANG

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Temerloh
Keluasan	14.9 ekar
Lokasi	Taman Awam Tasik Chatin, Mentakab
Populasi Penduduk	189,900 Orang
Kontraktor	Ethic Construction & Trading Sdn.Bhd
Kos Kontrak	RM 477,229.00
Tarikh Mula	15.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	25.11.2022



NAIK TARAF TAMAN AWAM SAUJANA UTAMA, JERANTUT, PAHANG

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Jerantut
Keluasan	5.6 ekar
Lokasi	Taman Awam Taman Saujana Utama, Jerantut
Populasi Penduduk	54,801 Orang
Kontraktor	HAA Construction
Kos Kontrak	RM 483,520.00
Tarikh Mula	01.09.2022
Tarikh Siap Sebenar	07.12.2022





**NAIK TARAF TAMAN AWAM
KOMPLEKS GUA IKAN,
DABONG, KELANTAN**

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Dabong
Keluasan	7 ekar
Lokasi	Dabong
Populasi Penduduk	105,000 Orang
Kontraktor	Emtec Trading
Kos Kontrak	RM 495,451.00
Tarikh Mula	18.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	10.12.2023



**NAIK TARAF TAMAN
PERMAINAN KOMPLEKS
SAAD BIN ABI WAQQAS,
KETEREH, KELANTAN**

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Ketereh
Keluasan	3 ekar
Lokasi	Ketereh
Populasi Penduduk	108,000 Orang
Kontraktor	Warisan Megamas Enterprise
Kos Kontrak	RM 490,562.70
Tarikh Mula	08.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	30.12.2023





NAIK TARAF TAMAN AWAM BANDAR PERDANA, SUNGAI PETANI, KEDAH

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Sungai Petani
Keluasan	16.7 ekar
Lokasi	Taman Bandar Perdana, Sungai Petani
Populasi Penduduk	518,000 Orang
Kontraktor	ABC Power Services
Kos Kontrak	RM 469,900.00
Tarikh Mula	21.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	01.02.2023





NAIK TARAF TAMAN AWAM MAHSURI, KULIM, KEDAH

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Kulim
Keluasan	15.0 ekar
Lokasi	Taman AwamMahsuri, Padang Serai
Populasi Penduduk	84,834 Orang
Kontraktor	ARM Teguh Enterprise
Kos Kontrak	RM 479,390.00
Tarikh Mula	16.08.2022
Tarikh Siap Sebenar	22.12.2022



PEMBANGUNAN LANDSKAP

- *Landskap Perbandaran*
- *Pelan Induk Landskap*
- *Pembangunan Persekitaran Kehidupan*



LANDSKAP PERBANDARAN

BATU PAHAT, JOHOR





LANDSKAP PERBANDARAN

Landskap Perbandaran adalah satu pembangunan landskap yang dilaksanakan secara komprehensif di kawasan perbandaran bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi manfaat masyarakat bandar.

Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran hijau di kawasan bandar dan mengurangkan kesan pulau haba.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan persekitaran bandar yang sesuai didiami serta mewujudkan pedestrian linkage bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki di dalam kawasan bandar dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Skop projek pembangunan landskap perbandaran termasuklah penyediaan rangkaian jalur hijau, kawasan lapang, ruang pejalan kaki, rizab landskap dan taman yang bersistematik di kawasan pembangunan.

Landskap Perbandaran Batu Pahat, Johor



PEMBANGUNAN LANDSKAP PERBANDARAN BATU PAHAT, JOHOR

KONSEP PEMBANGUNAN

Konsep pembangunan yang diterapkan bagi Landskap Perbandaran Batu Pahat ialah Nurturing Nature sebagai usaha menjadikan Batu Pahat sebagai sebuah bandar eko-pelancongan. Dengan berkonsepkan Nurturing Nature ini, setiap pembangunan landskap yang dirancang akan menekankan kepada pembentukan dan pemeliharaan ruang-ruang hijau secara bersistematik dan lestari.

Ruang-ruang hijau yang direkabentuk di dalam Landskap Perbandaran Batu Pahat ialah kemudahan riadah keluarga, kemudahan santai berkumpulan, laluan penghubung antara taman, kemudahan landskap yang ikonik dan trendy untuk ruang aktiviti santai siang dan malam.



MOTIF BUNGA TANJUNG

Bunga Tanjung telah dipilih sebagai motif reka bentuk perlandskap kerana ia merupakan pokok rasmi Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Motif Bunga Tanjung ini diterapkan di dalam reka bentuk komponen-komponen landskap seperti laluan siar kaki, pavilion, gerbang dan pagar.

Motif ini akan menjadi identiti kepada keseluruhan reka bentuk Landskap Perbandaran Batu Pahat.

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
Keluasan	6.5 ekar
Lokasi	Batu Pahat, Johor
Populasi Penduduk	209,461 Orang
Status Pelaksanaan	Siap Dibina
Kontraktor	SPS Bina Sdn. Bhd.
Kos Kontrak	RM 3,692,400.00
Tarikh Mula	15.09.2021
Tarikh Siap Sebenar	29.07.2022



PELAN INDUK LANDSKAP



2 PERSIARAN BENTARA



1 LAMAN TANJUNG


Kawasan seluas kira-kira 2.1 ekar merupakan kawasan utama di kawasan pesisiran Sungai Batu Pahat dengan rekabentuk pavilion berinspirasi Bunga Tanjung.

Laman Tanjung merupakan kawasan lapang yang mempunyai identiti tersendiri dengan mengangkat tema BUNGA TANJUNG sebagai elemen utama. Ia menjadi kawasan hijau yang baru di kawasan pusat bandar Batu Pahat.

Struktur pavilion yang berinspirasi Bunga Tanjung terletak di tengah-tengah Laman Tanjung. Kedudukan pavilion ini selari dengan Jalan Abu Bakar dan boleh dilihat daripada Terminal Bas Batu Pahat. Fasilitas kawasan padang terbuka juga turut disediakan bagi aktiviti masyarakat tempatan.



Landskap Perbandaran Batu Pahat, Johor



Laluan pejalan kaki sepanjang 200 meter dan arca flower tower



Bangku taman dan pentas mini

2 PERSIARAN BENTARA

Keluasan kawasan ini ialah 0.9 ekar mempunyai elemen landskap kejur yang menarik dengan struktur flower tower. Berfungsi sebagai bazar pada waktu malam dengan kiosk jualan. Laluan pejalan kaki di sepanjang 200 meter Jalan Abu Bakar merupakan satu hub utama yang menghubungkan kawasan pesisiran Sungai Batu Pahat dengan Terminal Bas Batu Pahat. Pengunjung mempunyai pengalaman yang berbeza pada waktu siang dan malam.

Reka bentuk komponen sebanyak 14 buah iconic tree sculpture menjadi tarikan utama di kawasan ini dan dapat memberikan imej baru bandar Batu Pahat. Penanaman pokok Bougainvillea spp. menjadi elemen landskap lembut yang menarik dengan penggunaan bunga berwarna.

3 CONNECTOR

Dengan keluasan 0.3 ekar, kawasan ini menghubungkan bahagian taman yang terpisah dengan laluan siarkaki dan laluan berbasikal di bahu jalan sepanjang 150 meter di Jalan Shahbandar yang menghubungkan Dataran Shahbandar dan tanah rizab milik Jabatan Hutan serta Bangunan Jabatan Perairan dan Saliran.



Siarkaki dan laluan berbasikal sepanjang 150 meter





Kawasan berumput seluas 0.7 ekar

Laluan pejalan kaki disepanjang 300 meter kawasan pesisiran Sungai Batu Pahat disediakan bagi memberikan ruang kepada pengunjung untuk menikmati pemandangan di sepanjang sungai.

Kemudahan tempat letak kenderaan sedia ada sebanyak 46 petak dinaiktaraf. Papan informasi mengenai flora dan fauna turut disediakan bagi tujuan pembelajaran.

Dataran Shahbandar dilengkapi pentas terbuka serta kawasan berumput seluas 0.7 ekar sesuai untuk aktiviti masyarakat setempat yang berskala besar dan boleh memuatkan seramai 2000 orang.



Pentas terbuka



Papan tanda Batu Pahat di dalam tulisan Jawi



Planter box dan bangku taman

Landskap Perbandaran Batu Pahat, Johor

5 TAMAN TEPIAN PENGKARAM

Peralatan permainan kanak-kanak sedia ada dikekalkan dan dinaiktaraf manakala permukaan dataran permainan diganti dengan material seamless epdm (flooring) baru yang lebih selamat untuk kanak-kanak. Rekabentuk taman ini diseragamkan dan bersambung dengan bahagian taman baharu, menjadikan ia sebuah landskap taman yang bersepadu.



Peralatan permainan kanak-kanak sedia ada diperbaiki dan ditambah dengan peralatan yang baru



Struktur arca flower tower dengan tumbuhan memanjat pelbagai spesis



Struktur archway, laluan siarkaki dan planter box

KOMPONEN LANDSKAP

- Menaik taraf pintu masuk
- Penggantian bangku-bangku taman.
- Laluan siar kaki sedia ada dibaikpulih dan diganti dengan kemasan baru.
- Peralatan permainan kanak-kanak sedia ada diperbaiki dan ditambah dengan peralatan yang baru.
- Kemasan lantai bagi kawasan permainan diganti kepada yang lebih selamat dan moden.





BENKEL PENGEMASKINIAN MANUAL KUALITI MS ISO 9001 : 2015 BAGI PERKHIDMATAN TEKNIKAL DAN PENGURUSAN PROJEK JABATAN LANDSKAP NEGARA

MAKLUMAT BENKEL	
Tarikh	29 Jun 2022 – 1 Julai 2022
Tempat	Hotel Holiday Inn, Melaka
Penganjur	Bahagian Pembangunan Landskap
Dirasmikan oleh	En. Roslee bin Abdullah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan landskap Negara



Bengkel Pengemaskinian Manual Kualiti MS ISO 9001 : 2015





PEMBANGUNAN LANDSKAP

RIVERFRONT BATU KAWAH, PADAWAN, SARAWAK

Pembangunan Landskap Riverfront Batu Kawah, Padawan, Sarawak



Sedges Art Feature

Program Pembangunan Landskap pelbagai projek telah dirangka untuk membantu mencapai usaha melandskapkan negara. Ia meliputi kawasan perbandaran, jalan raya, tepian sungai/laui, kawasan perumahan/kampung dan bangunan kerajaan.

PEMBANGUNAN LANDSKAP RIVERFRONT BATU KAWAH, PADAWAN, SARAWAK

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Padawan
Keluasan	5.07 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	05 Mac 2021
Tarikh Siap Sebenar	29 April 2022
Populasi Penduduk	Lebih 387,764 orang penduduk
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Puan Nur Aisyah Nadhirah binti Abd. Aziz • Cik Nurain Syazwanie binti Abdul Halim



Peralatan Permainan Kanak - Kanak



Batu Kawah Waterplay, Nook Garden dan Seed Pavillion



Landskap Lembut



Mounding Playground

A photograph of a well-maintained park area. In the foreground, a paved walkway made of red and grey interlocking tiles leads towards a covered water station. The walkway is flanked by lush green plants in raised beds. In the background, there are residential buildings, a tall street lamp, and a clear blue sky with some clouds. Two people wearing blue hijabs are visible in the distance.

PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Taman Seri Watan, Ampang Jaya, Selangor



Pembangunan Persekitaran Kehidupan

PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN

Program Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memberi tumpuan untuk menyediakan kawasan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan infrastruktur landskap yang optimum, indah, berfungsi dan efektif di persekitaran kawasan kediaman, bandar tempatan dan pekan-pekan kecil.

Ia dilihat mampu meningkatkan integrasi sosial dan menyokong kesejahteraan hidup rakyat. Pewujudan program ini mampu memberi impak segera kepada rakyat kerana ia memberi fokus khusus kepada pendekatan peningkatan kualiti persekitaran kehidupan melalui pembangunan landskap secara people centered dan penambahbaikan well being kehidupan masyarakat setempat.



Taman Sri Watan, Ampang Jaya, Selangor



Taman Rekreasi Pantai Sri, Tumpat, Kelantan

OBJEKTIF

- Pembangunan landskap yang baik dan terancang menghasilkan ruang rekreasi yang selesa, selamat dan dapat membentuk satu sikap 'kepuayaan bersama' (sense of belonging).
- Mewujudkan ruang luaran yang dapat meningkatkan interaksi dan integrasi sosial masyarakat setempat.
- Mewujudkan sebuah kawasan riadah yang dapat meningkatkan kesihatan fizikal dan mengurangkan tekanan kepada pengguna.
- Membangunkan ruang awam yang berfungsi dan mempunyai karakter tersendiri untuk kegunaan orang awam.





Entrance Signage

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI JALAN WAWASAN 1, BANDAR BARU AMPANG, AMPANG JAYA, SELANGOR

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	11 Ogos 2021
Tarikh Siap	4 Februari 2022
Populasi Penduduk	15,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Jasni bin Sabidin • Puan Hafiza binti Mohd Arsu • Encik Mohd Firdaus bin Abdul Aziz



Plaza



Fitness station



Ruang Senam



Plaza



Pergola



Entrance Signage

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI JALAN WATAN 25 DAN JALAN WATAN 12, TAMAN SERI WATAN, AMPANG JAYA, SELANGOR

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	11 Ogos 2021
Tarikh Siap	28 April 2022
Populasi Penduduk	8,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Jasni bin Sabidin • Puan Hafiza binti Mohd Arsu • Encik Mohd Firdaus bin Abdul Aziz



Fitness station



Siar Kaki



Kebun Komuniti



**PEMBANGUNAN LANDSKAP
PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI
PADANG TAMAN SAMUDERA,
GOMBAK, SELANGOR**

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Selayang
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	10 September 2021
Tarikh Siap	24 Mac 2022
Populasi Penduduk	15,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Puan Murniza Hawani binti Hussin • Encik Meor Yusro bin Meor Saadon Sofian



Shelter



Entrance Signage



Entrance Wall



Peralatan Permainan Kanak-kanak



Entrance Signage

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI KAWASAN LAPANG TAMAN ANGKASA NURI, DURIAN TUNGGAL, MELAKA

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	11 Ogos 2022
Tarikh Siap	21 Mac 2022
Populasi Penduduk	3,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Muhammad Safeer Bin Rosli • Puan Shuriani binti Shaari • Encik Sazuan Afifi bin Nawi



Shelter



Wakaf



Peralatan Permainan Kanak-kanak





Entrance Signage



Ruang Riadah

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI PANTAI SRI TUJUH, TUMPAT, KELANTAN

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Tumpat
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	30 September 2021
Tarikh Siap	24 Januari 2022
Populasi Penduduk	10,500 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Muhammad Radwan bin Yusof • Puan Sapura Solehah binti Saidin



Peralatan Permainan Kanak-kanak



Log Square

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI BANDAR BARU PASIR MAS, PASIR MAS, KELANTAN

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Pasir Mas
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	21 September 2021
Tarikh Siap	24 Januari 2022
Populasi Penduduk	5,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none">• Encik Muhammad Radwan bin Yusof• Puan Sapura Solehah binti Saidin



Fitness Station



Entrance Signage



Plaza



Peralatan Permainan Kanak-kanak



Entrance Plaza

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI TAMAN MAKMUR, KOK LANAS, KETEREH, KELANTAN

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Ktereh Perbandaran Islam
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	30 September 2021
Tarikh Siap	26 Januari 2022
Populasi Penduduk	5,000 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Shahzamir bin Ismail • Encik Muhd Fauzi bin Basri



Peralatan Permainan Kanak-kanak



Fitness station





Entrance Signage



Siar Kaki



Seating Wall

PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI BANDAR UTAMA GUA MUSANG, GUA MUSANG, KELANTAN

MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Daerah Gua Musang
Keluasan	3.0 ekar
Status Tapak	Kawasan lapang
Tarikh Mula	4 Oktober 2021
Tarikh Siap	15 Januari 2022
Populasi Penduduk	10,200 orang
Pegawai Projek	Jabatan Landskap Negara <ul style="list-style-type: none"> • Encik Shahzamir bin Ismail • Encik Muhd Fauzi bin Basri



Landskap Lembut

PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMULIHARAAN

- *Penyelidikan Landskap*
- *Pembangunan Taman Botani*
- *Pemuliharaan dan Pemulihan Landskap*
- *Anugerah Rosa - Sinensis - Penarafan Taman Awam*

A photograph of a park with a wooden walkway, a raised wooden platform, and lush greenery. The scene is bright and sunny, with many trees and plants. A few people are visible on the platform. The text 'PENYELIDIKAN LANDSKAP' is overlaid in the bottom left corner.

PENYELIDIKAN LANDSKAP

Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur



KAJIAN KEPERLUAN KAWASAN HIJAU DALAM PEMBANGUNAN

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan melaksanakan kajian-kajian berkaitan perancangan, rekabentuk dan teknologi landskap untuk digunakan dan dijadikan panduan dalam pelaksanaan program dan projek landskap oleh semua pihak yang berkepentingan terutama oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak pemaju.

Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan merupakan antara inisiatif Jabatan Landskap Negara bagi menghasilkan garis panduan perancangan, rekabentuk dan pembangunan kawasan hijau yang komprehensif dan berkualiti.

Kajian ini melibatkan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Kajian Kes berdasarkan pada karakter geofizikal dan lokasi, ciri-ciri setempat PBT serta karakter landskap yang wujud di PBT masing-masing.

Hasil dari penilaian lima (5) PBT Kajian Kes, kajian telah mengenal pasti kategori dan jenis Kawasan Hijau yang terdiri dari Kawasan Rekreasi, Badan Air, Infrastruktur Hijau dan Aset Semula Jadi dan Budaya yang menjadi asas kepada pembentukan Garis Panduan Kawasan Hijau dalam Pembangunan iaitu Garis Panduan

5 PBT TERLIBAT

-  Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)
-  Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
-  Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)
-  Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
-  Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)

Rekabentuk dan Perancangan serta Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan selain menyediakan Garis Panduan Kawasan Hijau / Kawasan Lapang Program Perumahan Rakyat (PPR).

TUJUAN KAJIAN

Penyediaan garis panduan ini adalah sebagai rujukan dan tindakan strategik oleh semua pihak yang berkepentingan dalam perancangan, rekabentuk, pembangunan dan pengurusan kawasan hijau dalam usaha membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang hijau dan mampan serta menyokong protokol antarabangsa.

MATLAMAT KAJIAN

Kajian bermatlamat untuk menyediakan garis panduan reka bentuk dan pengurusan landskap kawasan hijau yang komprehensif berdasarkan karakter geografi setempat.

Disamping itu kajian juga akan mengemukakan strategi-strategi perancangan landskap dan pembangunan landskap yang dinamik bagi memastikan penyediaan dan pengkalan 30% kawasan hijau dalam pembangunan perbandaran dapat dicapai.

Garis panduan yang disediakan akan dijadikan rujukan dan tindakan strategik oleh semua pihak yang berkepentingan dalam perancangan, rekabentuk, pembangunan dan pengurusan kawasan hijau.





OBJEKTIF KAJIAN

- Mengetahui pasti elemen-elemen dan komponen kawasan hijau agar hasrat pengekalan 30% kawasan hijau dalam pembangunan dapat dicapai.
- Menjalankan kajian ilmiah perancangan landskap, pembangunan dan pengurusan kawasan hijau bandar-bandar luar negara sebagai penanda aras bagaimana bandar-bandar ini mampu menyediakan kawasan hijau yang berkualiti melebihi piawaian minimum.
- Mengumpul dan menganalisis maklumat perancangan landskap, rekabentuk landskap dan pembangunan kawasan hijau di kawasan karakter geografi setempat yang berbeza seperti kawasan tepi sungai, kawasan tepi pantai dan kawasan tanah tinggi untuk mengenalpasti isu-isu pada peringkat pembangunan dan pengurusan kawasan.
- Mengemukakan garis panduan perancangan landskap, reka bentuk landskap dan pembangunan kawasan hijau mengikut karakter geografi dan kualiti visual setempat.
- Menganalisis status penyediaan tanah lapang berdasar hirarki yang ditetapkan dari aspek keberkesanan tampungan pengguna (caring capacity), keberkesanan pengurusan dan penyelenggaraan.

Kajian ini bertujuan untuk menyediakan dokumen garis panduan reka bentuk dan pengurusan landskap kawasan hijau mengikut karakter geografi setempat serta cadangan strategi-strategi perancangan landskap dan pembangunan landskap yang dinamik bagi penyediaan kawasan hijau dalam pembangunan.

TEMPOH PELAKSANAAN KAJIAN

Tempoh Pelaksanaan Kajian adalah selama 12 Bulan.

BIL.	PERINGKAT KAJIAN	TEMPOH
1.	Peringkat Laporan Awal	1 Bulan
2.	Peringkat Laporan Kajian Teknikal	6 Bulan
3.	Peringkat Draf Laporan Akhir	3 Bulan
4.	Peringkat Laporan Akhir	2 Bulan
TEMPOH KESELURUHAN		12 BULAN

Lawatan dan Mesyuarat Kajian Teknikal di lima (5) PBT Kajian Kes

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk Kajian	Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan
Siling Projek	RM200,000.00
Kos Projek	RM190,272.00
Tarikh Mula Perkhidmatan	16 Mac 2021
Tarikh Siap	13 September 2022
Tempoh Kontrak	17 bulan 28 hari
Perunding	Perunding Landskap ABD
Pasukan Kajian Jabatan Landskap Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Hajah Rotina binti Mohd Daik, Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara (GR) • Tn. Meor Saadon bin Mior Razali, Mantan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara (Pegawai Pengusaha) • Dr. Mazifah Binti Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara • En. Mansor bin Mohamad, Mantan Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan • En. Mohd Saifuddin Bin Ali, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan • Pn. Noor Fadilah Binti Yusop @ Othman, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan • Pn. Latifah binti Naam, Pen. Arkitek Landskap, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan



Bengkel Semakan Akhir, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

BENGKEL PERCAMBAHAN MINDA KE2
KAJIAN KEPERLUAN KAWASAN HIJAU DALAM PEMBANGUNAN
 28 - 29hb Mac 2022, Isnin & Selasa
 JLN Putrajaya

Bengkel Semakan Akhir secara telesidang pada 28 hingga 29 Mac 2022



DEFINISI KAWASAN HIJAU BERDASARKAN DAS GARIS PANDUAN DALAM & LUAR NEGARA United Kingdom (GREEN INFRASTRUCTURE)

frastruktur Hijau' (Green Infrastructure) di mana tamc han kawasan hijau, kawasan bandar yang bersifat sepai kawasan semula jadi. Koridor hijau, sungai dan persisir biru), kebun komuniti, dan kawasan perkuburan turut teologi infrastruktur hijau UK.

(Natural England Organ




PERINGKAT 1: HASIL PEMETAAN GIS KAWASAN HIJAU

KATEGORI & JENIS	MBIP	MBPJ	MBKT	MBPP	MDCH
D ASET SEMULA JADI & BUDAYA (6.52%)	2,195.71 Hek	44.52 Hek (0.427%)	33,151.03 Hek (58.01%)	19,210.88 Hek (41.81%)	47,227.74 Hek (98.33%)
1 HUTAN (40.37%)	884.40 Hek (34.37%)	44.53 Hek (100%)	11,540.74 Hek (34.35%)	1,499.95 Hek (8.85%)	59,902.78 Hek (89.14%)
2 PERTANIAN KOMERSIAL (37.93%)	832.74 Hek (37.93%)	-	20,080.4 Hek (59.47%)	3,422.16 Hek (17.81%)	7,213.95 Hek (10.74%)
3 PERTANIAN TRADISIONAL (21.70%)	474.55 Hek (21.70%)	-	2,009.49 Hek (6.97%)	14,088.77 Hek (73.34%)	64.73 Hek (0.1%)

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu secara telesidang

	MBKT	MBPP	MDCH
5 Hek (8%)	7,850.55 Hek (21.85%)	4,798.48 Hek (15.34%)	305.21 Hek (0.45%)
1 Hek (7%)	50.17 Hek (0.4%)	0.14 Hek (0.003%)	1.26 Hek (0.5%)
1 Hek (5%)	9,404.83 Hek (75.74%)	1,757.45 Hek (34.63%)	24.42 Hek (10.18%)
2 Hek (5%)	2,573.44 Hek (20.3%)	2,478.94 Hek (51.44%)	221.88 Hek (99.52%)
1 Hek (2%)	444.1 Hek (3.5%)	561.73 Hek (11.7%)	4.91 Hek (2.88%)

Laporan Kajian yang dihasilkan





KAJIAN KESESUAIAN SPESIES DAN KAEDAH PENANAMAN POKOK TEDUHAN PINGGIRAN JALAN JABATAN LANDSKAP NEGARA

LATAR BELAKANG

Kajian Kesesuaian Spesies dan Kaedah Penanaman Pokok Teduhan Pinggiran Jalan akan mengambil masa selama 24 bulan dan berakhir pada Mei 2024. Perunding arkitek landskap yang dilantik adalah Konsep Inovartis Sdn. Bhd.

Bagi mendapatkan perspektif yang menyeluruh dalam penetapan kriteria kesesuaian spesies pokok teduhan, peserta adalah dijemput daripada kalangan arkitek landskap Jabatan Landskap Negara dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), wakil universiti-universiti, wakil agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan, Negeri, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Kerja Raya, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Persatuan Arborist Malaysia (ParM), Malaysian Institute of Planners (MIP), perunding, pemaju dan pemilik nurseri pokok. Seramai 40 orang peserta bengkel telah menjayakan bengkel ini yang dilaksanakan melalui pendekatan Focus Group Discussion (FGD).

Kajian Kesesuaian Spesies dan Kaedah Penanaman Pokok Teduhan Pinggiran Jalan Jabatan Landskap Negara

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti spesies-spesies pokok tempatan yang paling sesuai untuk ditanam sebagai pokok teduhan pinggiran jalan di Malaysia dan menghasilkan panduan perancangan, pelaksanaan dan pengurusan pokok teduhan pinggiran jalan bagi mewujudkan landskap perbandaran yang mengenengahkan spesies pokok tempatan yang selamat dan berdaya tahan.



BENGGEL 1: PENETAPAN KRITERIA KESESUAIAN SPESIES POKOK TEDUHAN PINGGIRAN JALAN



MAKLUMAT BENGGEL

Tarikh	7 Jun 2022 (Selasa)
Tempat	Dewan Serbaguna Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Blok F9, Parcel F, Putrajaya
Penganjur	Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Kerja Raya





Bengkel 1: Penetapan Kriteria Kesesuaian Spesies Pokok Teduhan Pinggiran Jalan

PENGENALAN

Pelaksanaan bengkel pertama ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kajian tersebut kepada pemegang taruh dan agensi-agensi yang berkaitan dan menyampaikan hasrat Jabatan untuk menghasilkan satu dokumen rujukan berdasarkan kajian saintifik bagi mengenalpasti spesies-spesies pokok tempatan yang paling sesuai untuk ditanam sebagai pokok teduhan pinggiran jalan di Malaysia.

Pengenalan kajian telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Encik Mansor bin Mohamad dan bengkel seterusnya dikendalikan oleh pasukan perunding yang diketuai oleh LAr. Sabarudin bin Buang.

TUJUAN KAJIAN

Membincangkan definisi dan menetapkan kriteria kesesuaian spesies pokok teduhan pinggiran jalan untuk dijadikan ketetapan dalam menjalankan kajian ini. Cadangan kesesuaian spesies pokok adalah dinilai berdasarkan kepada ciri-ciri dan kriteria yang akan digariskan berpandukan kepada penemuan hasil kajian ini.



Bengkel 2: Penetapan Kriteria Kesesuaian Spesies Pokok Teduhan Pinggiran Jalan

BENKEL 2: PENETAPAN KRITERIA KESESUAIAN SPESIES POKOK TEDUHAN PINGGIRAN JALAN

MAKLUMAT BENKEL

Tarikh	27 September 2022 (Isnin)
Tempat	Bilik Latihan Cempaka, Jabatan Landskap Negara
Penganjur	Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Kerja Raya

Bengkel ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dr. Mazifah binti Simis. Turut hadir menjayakan bengkel adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Encik Mansor bin Mohamad. Bengkel seterusnya dikendalikan oleh pasukan perunding yang diketuai oleh LAr. Sabarudin bin Buang.



HASIL

Di akhir bengkel, satu persetujuan telah dicapai oleh peserta bengkel untuk penetapan kaedah matriks penilaian kriteria dan jumlah skor yang akan digunakan bagi senarai 200 ke 250 cadangan spesies pokok teduhan pinggiran jalan dalam kajian ini.



PENGENALAN

Pelaksanaan bengkel kedua ini adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil.2/2022 dan Sesi Libat Urus Pemegang Taruh bertarikh 1 September 2022, iaitu satu bengkel perlu diadakan bagi menilai dan mempertimbangkan semula cadangan penetapan kriteria kesesuaian spesies pokok teduhan pinggiran jalan, mendapatkan rumusan dan seterusnya menetapkan kriteria.





Lawatan Tapak Pemuliharaan Landskap Kota Tinggi, Johor

LAWATAN TAPAK PEMULIHARAAN LANDSKAP KOTA TINGGI, JOHOR

Pada 2 Julai 2022, wakil Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan Landskap telah mengadakan lawatan tapak bagi cadangan program Pemuliharaan Landskap baharu di Kota Tinggi, Johor. Antara tempat yang dikunjungi adalah Persisiran Kunang-Kunang Sungai Johor, Sedili Wetlands, Taman Warisan Ekologi Tanjung Sedili, Taman Eko Sungai Sedili Besar dan Jejak Warisan Johor Lama.



Sedili Wetlands (panggilan penduduk tempatan)



Kunang-Kunang Kota Tinggi



Laman Kota Johor Lama



Sungai Sedili Besar






**PEMBANGUNAN
TAMAN BOTANI**



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk Projek	CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN BOTANI SABAH, KOTA KINABALU SABAH
Nama Kontraktor	Malamega Sdn Bhd
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	19 September 2022 (Isnin)
Tarikh Milik Tapak	22 September 2022 (Khamis)
Tarikh Siap Asal	18 September 2024 (Rabu)
Pasukan Pasukan Perunding	Arkitek Landskap BL Consultant Team Sdn Bhd (BLCT) Kejuruteraan Sivill & Struktur Khalifa Consult Sdn Bhd (KCSB) Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal Teknis Konsult (TK) Perunding Juru Ukur Bahan Perunding Ukur Bahan AL (PUBAL) Perunding Alam Sekitar Ensolve Sdn Bhd



SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK TENDER PADA 1 JUN 2022





PEMULIHARAAN DAN PEMULIHAN LANDSKAP

SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN, TERENGGANU


Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu

CADANGAN PEMULIHARAAN KUNANG-KUNANG DI SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN, TERENGGANU

Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu merupakan salah satu daripada 14 kawasan perlindungan kunang-kunang di Malaysia yang masih dipelihara habitatnya di kawasan semulajadi dan jauh dari kawasan pembangunan. Kunang-kunang spesies *Pteroptyx tener* merupakan spesies istimewa yang menghuni kawasan semulajadi Sungai Yak Yah dan sensitif kepada pembangunan fizikal yang dilaksanakan secara makro.

Bagi memulihara dan menambah populasi kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Jabatan Landskap Negara melaksanakan projek pemuliharaan habitat kunang-kunang yang mengambil kira perlindungan habitat, keperluan kitaran hidup kunang-kunang dan pembangunan fizikal yang dilaksanakan dikawal dan amat terhad pelaksanaannya.

Kerajaan Negeri Terengganu dan Majlis Perbandaran Kemaman turut mengambil inisiatif untuk mewartakan kawasan Sungai Yak Yah sebagai Tapak Kawasan Tarikan Pelancongan (Kelip-Kelip) bagi tujuan perlindungan kunang-kunang bagi menyokong usaha projek pemuliharaan ini.



LOKASI TAPAK CADANGAN DARI BANDAR CHUKAI

Lokasi tapak projek pada amnya, terletak di Kampung Yak Yah iaitu kira-kira 13 km dari Bandar Chukai, Terengganu. Sempadan tapak kawasan meliputi dari Jeti Kg. Yak Yah sehingga ke kawasan penjarangan di selatan termasuk sebahagian Zoo Kemaman melalui pintu 2, Zoo Kemaman. Habitat kunang-kunang terletak sepanjang Sungai Yak Yah dan Sungai Ibok, namun kawasan kajian tertumpu pada 5 km radius yang merupakan komponen utama habitat kunang-kunang.



Keadaan semasa Sungai Yak Yah berhadapan jeti Zoo Kemaman.

Kawasan sepanjang sungai ini merupakan habitat kunang-kunang terbesar di Malaysia, mempamerkan panorama menakjubkan pada waktu malam dengan kehadiran ribuan kunang-kunang. Sejak dulu, Kampung Yak Yah juga terkenal dengan ekopelancongan kunang-kunang dimana aktiviti menyusuri sungai untuk melihat kunang-kunang melalui Jeti Kg. Yak Yah dan Jeti Zoo. Ini memberi peluang ekonomi kepada penduduk setempat melalui ekopelancongan. Namun dari tahun 2013, koloni kunang-kunang semakin berkurang dan aktiviti ekopelancongan cruise melihat kunang-kunang semakin berkurang.

KUNANG-KUNANG DI SUNGAI YAK YAH

Kajian bagi kitaran hidup kunang-kunang adalah penting bagi tujuan pemuliharaan habitat keseluruhan kunang-kunang. Kitar hidup kunang-kunang adalah selama 6 bulan iaitu daripada peringkat telur sehingga kunang-kunang dewasa. Sumber makanan dan tempat pembiakannya adalah di kawasan tebing sungai dan dalam lingkungan 5 meter dari tebing sungai. Kunang-kunang bertelur di kawasan lumpur di tebing sungai dan menjadi herbivor larva. Larva ini adalah sejenis karnivor yang memakan siput yang hidup di batang pokok Nipah. Manakala kunang-kunang dewasa seekor herbivor hidup di pokok Berembang yang mempunyai ketinggian 1-3 meter dan tidak terbang tinggi.



Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu



Larva ini adalah sejenis karnivor yang memakan siput yang hidup di batang pokok Nipah. Manakala kunang-kunang dewasa seekor herbivor hidup di pokok Berembang yang mempunyai ketinggian 1-3 meter dan tidak terbang tinggi.

Kunang-kunang berkumpul pada pokok Peraga bermula waktu senja dan berkelip untuk menarik pasangannya untuk tujuan pembiakan. Justeru projek ini telah mengambil kira keperluan pemuliharaan habitat dan sumber makanan bagi keseluruhan kitaran hidup bagi menjamin kehidupan dan populasi kunang-kunang yang berterusan.

SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN TERENGGANU



Panjang Sungai Yak Yah bagi projek ini adalah 5 km termasuk kiri dan kanan tebing sungai yang mengalir punca sungai hingga ke Kuala Kemaman. Sungai Yak Yah merupakan habitat utama kunang-kunang yang mempunyai vegetasi yang masih dilindungi dan subur.

Di kawasan lain kunang-kunang hidup di kawasan mempunyai pokok Berembang sahaja tetapi keistimewaan Sungai Yak Yah, kunang-kunang boleh hidup di pokok Nipah, Bebaru dan Pong-Pong. Kunang-kunang biasanya akan menjadikan pokok Berembang sebagai pokok peragaan di bahagian bawahnya. Kunang-kunang biasanya akan menjadikan pokok Berembang sebagai pokok peragaan di bahagian bawahnya.


Walau bagaimanapun, pokok Berembang di Sungai Yak Yah telah tua matang dan semakin tinggi menyebabkan koloni kunang-kunang semakin berkurangan.



PERLAKSANAAN PROJEK

Cadangan pemuliharaan ini melibatkan dua fasa iaitu kajian pemuliharaan kunang-kunang selama 6 bulan sebelum pembangunan fizikal berasaskan kajian pemuliharaan yang telah dibuat.

Kajian pemuliharaan dilaksanakan dengan mengkaji setiap komponen semulajadi sedia ada di tapak iaitu spesis istimewa di tapak, vegetasi semulajadi pinggir sungai, kawasan hijau/hutan yang lebih luas, sungai yang mempunyai kualiti air yang masih baik, penglibatan dan aktiviti penduduk setempat dan persekitaran semulajadi di sekeliling yang tidak terancam. Di peringkat kajian awalan, skop kajian adalah merangkumi pengumpulan data kunang-kunang, kajian hidrologi, kajian tanah, kajian vegetasi semulajadi, kajian sosio-ekonomi dan kajian alam sekitar yang mempengaruhi kitaran hidup kunang-kunang.



Kaedah Permonitoran yang dilaksanakan bagi projek ini bagi tujuan penanaman pokok di tebing sungai dan pemantauan koloni kunang-kunang dengan menggunakan chainage di pelan penanaman



Sebahagian pokok-pokok yang tumbuh di sepanjang Sungai Yak Yah.



Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu



Pokok Berembang, Pokok Putat dan Pokok Nipah merupakan habitat kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman.



Jabatan telah melantik dan menggunakan khidmat kepakaran perunding arkitek landskap termasuk pakar entomologi serta perunding kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrik dan perunding ukur bahan seperti berikut:

BIL.	PERUNDING	BIDANG
1.	Tajul LandArt	Perunding Arkitek Landskap
2.	Superior Support Services Sdn. Bhd.	Perunding Kejuruteraan Struktur dan Awam
3.	QMEC Consult Sdn. Bhd.	Perunding Mekanikal dan Elektrikal
4.	DKN Team Work Sdn. Bhd.	Perunding Juruukur Bahan
5.	Juruukur Pakatan	Perunding Juruukur Tanah




KONSEP PEMULIHARAAN PROJEK

Konsep pemuliharaan kunang-kunang ini diterjemahkan melalui pendekatan berikut:

- Penanaman semula habitat (Habitat regeneration)
- Kesedaran komuniti (Community awareness).

Pembangunan yang diterapkan bagi tapak cadangan adalah berasaskan kepada konsep pemuliharaan habitat. Usaha pemuliharaan habitat adalah penanaman semula pokok yang menjadi perumah kunang-kunang, perlindungan kawasan habitat semulajadi, pembiakan kunang-kunang dan sumber makanan kunang-kunang serta zon penanaman. Penanaman semula habitat adalah langkah pemuliharaan jangka pendek.

Manakala kesedaran komuniti dan penglibatan penduduk setempat adalah tindakan jangka masa panjang yang berterusan untuk memastikan populasi kunang-kunang ditingkatkan selepas projek ini siap.



Rajah menunjukkan konsep pemuliharaan Kunang-Kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman yang menerapkan pemuliharaan habitat semulajadi di tapak.

PELAN INDUK PEMULIHARAAN LANDSKAP



Pelan keseluruhan Cadangan Pelan Pembangunan

Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu



PELAN SUSUN ATUR

Pelan Menunjukkan Cadangan Menambah Beberapa Kemudahan di Kawasan Zoo Untuk Tujuan Pelancongan Cruise Kunang-kunang.



Ilustrasi Cadangan Kawasan Dataran



Info Signage di Laluan Interpretif. Info panel mengenai habitat kunang-kunang.




Ilustrasi Cadangan Kawasan Taklimat dan Amphitheatre untuk penerangan ringkas oleh pemandu bot cruise kunang-kunang.



Ilustrasi Cadangan Kemudahan Pelancongan Tandas & Wakaf Solat turut disediakan di kawasan pintu 2, Zoo Kemaman.



Lawatan Tapak Tender di Pintu 2, Zoo Kemaman pada 28 Mac 2022 (Isnin)



Taklimat tapak telah diberikan oleh perunding Tajul LandArt di sekitar kawasan Jati zoo Kemaman dan sepanjang Sungai Yak Yah sehingga ke kawasan penjarangan sungai.

Penyerahan Tapak Projek Cadangan Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu



Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara kepada kontraktor berjaya, MS Mega Jaya Sdn. Bhd. di pejabat Jabatan Landskap Negara.

PENYERAHAN TAPAK PROJEK CADANGAN PEMULIHARAAN KUNANG-KUNANG DI SUNGAI YAK YAH, KEMAMAN, TERENGGANU OLEH KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA KEPADA KONTRAKTOR MS MEGA JAYA SDN. BHD.

Syarikat MS Mega Jaya Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor bagi projek ini. Satu sesi serahan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor berjaya telah diadakan di Jabatan Landskap Negara pada 29 September 2022 yang dipengerusikan oleh En. Roslee Bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Dr. Mazifah Bin Simis Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JLN selaku Pegawai Penguasa (S.O) projek, En. Mansor BinMohamad, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan dan En. Mohamad Khamsin Bin Mohammad Zin, Pengarah Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Landskap Negara. Wakil kontraktor dihadiri oleh Puan Suhaila binti Abdullah, selaku pemilik syarikat bersama pasukan kerja.



Pemuliharaan dan Pemulihan Landskap



MAKLUMAT PROJEK

Pihak Berkuasa Tempatan	Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu
Tarikh Mula Projek	6 Oktober 2022
Tarikh Siap	3 Januari 2024
Tempoh Kontrak	65 minggu
Kontraktor	MS Mega Jaya Sdn. Bhd
Perunding	<p>Perunding Arikitek Landskap Tajul LandArt</p> <p>Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur Superior Support Services Sdn. Bhd.</p> <p>Perunding Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal QMEC Consult Sdn. Bhd.</p> <p>Perunding Ukur Bahan DKN Team Work Sdn. Bhd.</p> <p>Perunding Juruukur Tanah Juruukur Pakatan</p> <p>Kontraktor Penyiasatan Tanah (SI) Sataraka Enterprise</p>
Pasukan Projek Jabatan Landskap Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Mazifah Binti Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara <p>Pegawai Penguasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • En. Mohd Saifuddin Bin Ali, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan • Pn. Mahaya Binti Mansor, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan • En. Hasri Bin Saide, Pen. Arkitek Landskap Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan





ANUGERAH ROSA - SINENSIS - PENARAFAN TAMAN AWAM

GAMUDA GARDENS CENTRAL PARK



ANUGERAH ROSA - SINENSIS - PENARAFAN TAMAN AWAM

LATAR BELAKANG

ANUGERAH ROSA-SINENSIS – Penarafan Taman Awam adalah satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.

Jabatan telah membentangkan cadangan pelaksanaan Anugerah Rosa-Sinensis – Penarafan Taman Awam di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 6 Ogos 2021 dan mesyuarat bersetuju supaya anugerah ini dilaksanakan.

Anugerah ini telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Disember 2021 semasa Majlis Penyerahan Taman Awam Tanjung Agas, Tangkak, Johor. Sekretariat bagi Anugerah ini pada tahun 2022 adalah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan.

TRIVIA:

Rosa-sinensis diambil bersempena dengan nama botani Bunga Raya iaitu Hibiscus rosa-sinensis






**ANUGERAH
ROSA-SINENSIS**
Penarafan Taman Awam

Anugerah Rosa-Sinensis - Penarafan Taman Awam

OBJEKTIF PERLAKSANAAN ANUGERAH

Perlaksanaan anugerah bermatlamat untuk memastikan rakyat mendapat kemudahan rekreasi awam yang berkualiti. Objektif pelaksanaan anugerah adalah untuk:


- Memastikan setiap individu mendapat akses yang saksama kepada kemudahan rekreasi awam.
- Memastikan taman awam dan kawasan hijau berfungsi dalam aspek rekreasi, psikologi, interaksi sosial, keindahan, kelestarian alam sekitar, pendidikan dan ekonomi serta menyokong kepada ekosistem perbandaran yang menyeluruh.
- Memastikan taman awam dan kawasan hijau selamat digunakan.
- Memastikan taman awam dan kawasan hijau terpelihara, tahan lama dan mampan dengan melibatkan komuniti dalam pengurusan dan penyelenggaraan kawasan.
- Memastikan taman awam dan kawasan hijau dibangun dan diurus dengan amalan terbaik bagi mengurangkan impak kepada pengguna dan alam sekitar perbandaran.



KONSEP PERLAKSANAAN ANUGERAH

Taman awam dan kawasan hijau berkualiti bila mana ianya memberi manfaat dan impak positif kepada rekreasi, psikologi, sosial, budaya, keindahan, kelestarian alam sekitar dan ekonomi serta menyumbang kepada pembentukan identiti setempat dan kesejahteraan hidup masyarakat. Dari segi fizikal, taman awam dan kawasan hijau yang inklusif dan berkualiti mempunyai ciri-ciri berikut:

- Mempunyai akses yang saksama, selesa dan mudah bagi semua golongan pengguna.
- Pengguna berasa selamat dan selesa berada dalam taman.
- Fasiliti, utiliti dan kemudahan yang disediakan menyokong keperluan rekreasi aktif dan pasif secara optimum.
- Aktif digunakan untuk aktiviti rekreasi, interaksi sosial dan kebudayaan setempat.
- Karakter dan kualiti visual yang menarik, indah dan menenangkan.
- Menyokong ekosistem bandar yang lebih luas dari aspek kelestarian alam sekitar dan mewujudkan habitat kepelbagaian biologi perbandaran.
- Meneroka dan memaksimumkan penggunaan sumber diperbaharui dalam pembinaan dan pengurusan taman.
- Impak negatif yang minima kepada alam sekitar.
- Ruang untuk pengguna dan orang awam terlibat dalam pengurusan dan penyelenggaraan taman dan kawasan hijau.
- Menggalakkan penerokaan, pembelajaran dan pengalaman berkaitan alam sekitar (nature).
- Menyokong pelaksanaan polisi kerajaan dan protokol antarabangsa seperti bandar berdaya tahan (resilient city) terhadap perubahan iklim dan pencapaian Sustainable Development Goal's (SDG's).



Anugerah Rosa-Sinensis - Penarafan Taman Awam

PENERIMA ANUGERAH ROSA-SINENSIS TAHUN 2022

Penyertaan bagi Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam dibuka bermula tahun 2022. Pada 27 Januari 2022, Jabatan telah mengadakan satu Sesi Taklimat Pelaksanaan Anugerah bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju bagi tujuan hebahan penyertaan. Sebanyak tujuh (7) permohonan penyertaan telah diterima daripada PBT dan pemaju.


Penarafan dilaksanakan melalui proses auditan di lapangan. Sesi Audit Dokumen dan Fizikal telah dilaksanakan di taman-taman yang terlibat oleh Auditor berkeelayakan daripada Jabatan Landskap Negara. Seterusnya sesi pembentangan Laporan Audit dan Mesyuarat Jawatankuasa Penarafan telah dilaksanakan untuk menilai, mengesyorkan dan meluluskan penarafan bagi setiap permohonan Anugerah.

Penganugerahan Anugerah Rosa-sinensis – Penarafan Taman Awam telah diadakan di Majlis Sambutan Hari Landskap Negara 2022 pada 5hb Mac 2022 di Taman Ekoflora, Johor Bahru. Anugerah telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua penerima yang menerima Penarafan 5 Rosa-Sinensis iaitu pencapaian tertinggi bagi Amalan Terbaik Anugerah Rosa-sinensis.




SENARAI PENYERTAAN DAN PENARAFAN ANUGERAH ROSA-SINENSIS – PENARAFAN TAMAN AWAM BAGI TAHUN 2022


BIL.	TAMAN AWAM DAN KAWASAN HIJAU	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) / PEMAJU
PENERIMA PENARAFAN 5 ROSA-SINENSIS		
1.	Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
2.	Dragonfly Park, Eco Grandeur, Bandar Puncak Alam, Selangor	Paragon Pinnacle Sdn. Bhd.
3.	Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
4.	Gamuda Gardens Central Park, Bandar Gamuda Gardens, Rawang, Selangor	Gamuda Land Sdn. Bhd.
5.	Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Taman Hutan Bandar, Johor Bahru, Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
PENERIMA PENARAFAN 4 ROSA-SINENSIS		
1.	Maya Park, Eco Ardence, Shah Alam, Selangor	EcoWorld Sdn. Bhd.
2.	Taman Ekoflora, Johor Bahru, Johor	



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)
• Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur (DBKL)

Anugerah Rosa-Sinensis - Penarafan Taman Awam





PARAGON PINNACLE SDN. BHD. (ECOWORLD)
• Dragonfly Park, Eco Grandeur, Bandar Puncak Alam, Selangor




Anugerah Rosa-Sinensis - Penerimaan Taman Awam



GAMUDA LAND SDN. BHD.

- Gamuda Gardens Central Park, Bandar Gamuda Gardens, Rawang, Selangor






MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)

- Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Taman Hutan Bandar, Johor Bahru, Johor

Sesi Audit Anugerah Rosa-Sinensis - Penarafan Taman Awam



Sesi Audit Dokumen dengan pasukan pengurusan taman/kawasan hijau



Sesi Audit Fizikal di tapak





SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN ANUGERAH BERSAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT), JABATAN/AGENSI KERAJAAN DAN PEMAJU

MAKLUMAT SESI TAKLIMAT

Tarikh 27 Januari 2022

Tempat Jabatan Landskap Negara (Secara Atas Talian)

Pengerusi Ketua Pengarah JLN

Penganjur Bahagian Penyelidikan dan pemuliharaan



TRIVIA

Rosa-sinensis diambil bersempena dengan nama botani bunga raya iaitu *Hibiscus rosa-sinensis*.




ANUGERAH ROSA-SINENSIS
Pencapaian Tempatan - Anugerah



SESI AUDIT DOKUMEN DAN AUDIT FIZIKAL ANUGERAH ROSA SINENSIS – PENARAFAN TAMAN AWAM

MAKLUMAT SESI AUDIT

Tarikh Januari hingga Februari 2022

Tempat Taman – Taman yang menyertai Anugerah

Penganjur Bahagian Penyelidikan dan pemuliharaan




Anugerah Rosa-Sinensis - Penarafan Taman Awam

MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN ANUGERAH ROSA-SINENSIS – PENARAFAN TAMAN AWAM

MAKLUMAT SESI MESYUARAT

Tarikh	28 Februari 2022
Tempat	Jabatan Landskap Negara (Secara Atas Talian)
Pengerusi	Ketua Pengarah JLN
Penganjur	Bahagian Penyelidikan dan pemuliharaan



MALYSIAN LANDSCAPE STANDARDS – SPECIFICATIONS AND RECOMMENDATIONS

MAKLUMAT SESI AUDIT

Tarikh	15 Disember 2022
Tempat	Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur
Wakil JLN	Encik Mohd Saifuddin bin Ali dan Puan Irdazulfa binti Ithnin daripada Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan
Penganjur	Jabatan Standard Malaysia



PROGRAM PROMOSI DAN INDUSTRI LANDSKAP

- *Hari Lanskap Negara 2022*
- *Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands*
- *RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London*
- *World Urban Forum II (WUF11) 2022, Katowice, Poland*
- *Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah*



HARI LANDSKAP NEGARA 2022

Taman Ekoflora, Johor Bahru, Johor



PENGENALAN

Hari Landskap Negara (HLN) adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara. Secara tradisinya sambutan HLN diadakan pada 3hb Mac setiap tahun. Sambutan pada tahun ini adalah kali yang ke-24 diadakan sejak diperkenalkan pada tahun 1998 dan turut disambut bersempena 25 Tahun penubuhan Jabatan Landskap Negara.

MAKLUMAT HLN 2022

Tarikh 04 Mac 2022 (Jumaat) hingga 06 Mac 2022 (Ahad)

Tempat Taman Ekoflora, Johor Bahru, Johor

TEMA HLN 2022

“25 Tahun Negara Taman Terindah”

Tema ini dipilih untuk menekankan dan menggariskan peranan pihak berkepentingan yang merangkumi anggota masyarakat dalam melaksana, mengambil bahagian dan mewujudkan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) di Malaysia dalam konteks pendekatan seni bina landskap bagi menangani masalah persekitaran serta meningkatkan kesejahteraan bandar selain menekankan peranan komuniti seni bina landskap, kesejahteraan

bandar selain menekankan peranan komuniti seni bina landskap. “Negara Taman Terindah” yang merupakan matlamat penubuhan Jabatan Landskap Negara dan seterusnya menjadi simbolik kejayaan 25 tahun Jabatan Landskap Negara dalam memacu kemajuan landskap di Malaysia. Penubuhan Jabatan Landskap Negara telah memberikan impak yang amat besar dalam menyediakan persekitaran landskap yang kondusif dan berdaya huni demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Sambutan HLN 2022 ini juga menandakan usaha Kerajaan untuk memelihara dan mendidik masyarakat terutama generasi muda untuk mencintai dan menghargai landskap. Etika menghargai landskap juga akan berkembang sebagai budaya hidup masyarakat Malaysia agar pembangunan yang seimbang dan harmoni dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan teras pertama Dasar Landskap Negara.

Penubuhan Jabatan Landskap Negara melalui program-program yang telah dijalankan berjaya mewujudkan peningkatan kualiti landskap Malaysia melalui perancangan dan pelaksanaan pembangunan landskap yang komprehensif.

Hari Landskap Negara 2022



Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia menyampaikan ucapan perasmian Hari Landskap Negara 2022.



YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan ucapan aluan Hari Landskap Negara 2022.

OBJEKTIF HLN 2022

Sambutan HLN 2022 ini diadakan bertujuan untuk memberi penekanan terhadap pendekatan dan pelaksanaan seni bina landskap dalam mengadaptasikan matlamat pembangunan mampan di Malaysia, meningkatkan kesedaran kepada semua pihak yang berkepentingan untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah; menyebarkan program pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan kepada umum terutama generasi muda; meningkatkan kesedaran semua pihak untuk menggiatkan usaha dan inisiatif bagi mencapai matlamat ke arah Malaysia Negara Taman Terindah dan menyokong perkembangan industri landskap negara di peringkat antarabangsa.





Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia mengadakan lawatan ke reruai dan pameran, diiringi oleh tetamu kehormat.



Acara penanaman pokok oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri Malaysia bersama Yang Amat Berhormat Dato' Haji Hasni Bin Mohamad Menteri Besar, Johor dan Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan Landskap Negara telah mula memperkenalkan Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah mulai tahun 2019 iaitu pengiktirafan untuk menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti, organisasi/sukarelawan dan pihak swasta/pemaju dalam menjayakan pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif. Pengiktirafan ini diberikan buat pertama kali pada HLN2019 di Taman Botani Putrajaya.

Bagi sambutan pada tahun ini, buat julung kalinya Anugerah Rosa Sinensis telah diperkenalkan. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada pihak berkuasa mengurus taman-taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Penyampaian trofi dan sijil kepada pemenang anugerah merupakan acara puncak bagi sambutan HLN pada tahun ini.

ANUGERAH ROSA SINENSIS 2022

Bagi sambutan pada tahun ini, buat julung kalinya Anugerah Rosa Sinensis telah diperkenalkan. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada pihak berkuasa mengurus taman-taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Penyampaian trofi dan sijil kepada pemenang anugerah merupakan acara puncak bagi sambutan HLN pada tahun ini.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH ROSA SINENSIS 2022

- Taman Botani Perdana, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Taman Tasik Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Tunku Mahkota Ismail Youth Centre, Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Gamuda Garden Central Walk, GAMUDA Land Sdn. Bhd.
- Dragonfly Park Eco Grandeur, EcoWorld Malaysia



• Taman Botani Perdana, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
• Taman Tasik Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Gamuda Garden Central Walk, GAMUDA Land Sdn. Bhd.



Tunku Mahkota Ismail Youth Centre, Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Dragonfly Park Eco Grandeur, EcoWorld Malaysia

Anugerah Booth Terbaik



Hari Landskap Negara 2022



CAR FREE DAY

Aktiviti 'Car Free Day' telah diadakan pada hari terakhir sambutan HLN iaitu pada 06 MAC 2022. Seramai 500 orang peserta yang terdiri dari peserta berbasikal dan pejalan kaki telah turut sama memeriahkan aktiviti ini.





Hari Landskap Negara 2022





**FLORIADE EXPO 2022,
AMSTERDAM ALMERE,
NETHERLANDS**

Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands



PENGENALAN

Floriade ialah pameran hortikultur dunia yang berlangsung di Belanda hanya sekali dalam sedekad. Ia adalah kali ke-7 pameran itu diadakan di Belanda, kali ini di lokasi yang indah di Almere. Hortikultur Belanda menghidupkan tema 'Growing Green City' dengan kerjasama peserta kebangsaan dan antarabangsa di Ekspo. Floriade bermula pada bulan April 2022 sehingga Oktober 2022.

Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap di Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands diketuai oleh Tuan Hj Mohd Razman Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha, KPKT.

EXPO 2022
FLORIADE
AMSTERDAM - ALMERE NL



MAKLUMAT EKSPLO

Tarikh 22 – 30 Mei 2022

Tempat

- RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London
- Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands

Muhammad Razman bin Abu Samah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Rotina binti Mohd Daik
Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara

Peserta **Mastura binti Ismail**
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penilaian dan Penyelarasan, Jabatan Landskap Negara

Irdzulfa binti Ithnin
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan, Jabatan Landskap Negara

OBJEKTIF



Mempromosikan aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap yang mampan, dinamik dan menyeluruh mampu membawa aspirasi pembangunan rendah karbon dan tindakan iklim bagi meningkatkan profil pelaburan negara.



Mempromosikan industri landskap negara yang meliputi aspek perkhidmatan perunding landskap, bekalan bahan tanaman landskap, bekalan bahan binaan landskap seperti peralatan permainan kanak-kanak (children playground) serta bekalan input dan bahan penyelenggaraan landskap bagi tujuan memperluaskan peluang pasaran ke peringkat antarabangsa.



Meneroka potensi jaringan kerjasama dengan negara luar bagi meningkatkan tahap profesionalisme pegawai dan perkhidmatan Jabatan Landskap Negara.



Mengenalpasti amalan, piawaian dan teknologi bidang landskap yang boleh diadaptasi dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap dan persekitaran perbandaran negara.



Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands



TEMA FLORIADE

'Growing Green City'

Tema ini mempersembahkan penyelesaian kreatif, hijau dan mampan yang diperlukan untuk merealisasikannya. Menjelang tahun 2050, kira-kira 68% daripada populasi global akan tinggal di bandar pada 2% sahaja daripada kawasan permukaan bumi.

Penyertaan pameran holtikultur yang disertai oleh 25 buah negara iaitu Bangladesh, Belgium, China, Cyprus, Czech Republic, France, Germany, SEHA, India, Thailand, Italy, Japan, Lisinia, Luxembourg, Netherlands, Qatar, United Arab Emirates, Turkey, Suriname, Switzerland dan gabungan pameran bagi 5 negara iaitu Chad, Somalia, Sudan, Yemen dan Ghana.

Terdapat pelbagai program sepanjang tempoh tersebut dengan perubahan 3 musim iaitu musim bunga, musim panas dan musim luruh.





Floriade Expo 2022, Amsterdam Almere, Netherlands

BUSINESS MATCHING

Floriade Expo 2022

Dalam sesi business matching di Floriade Almere, pihak Jabatan mendapat sambutan baik daripada pihak Kerajaan Qatar di tapak pameran Qatar.

Pihak Qatar kini dalam usaha ke arah membangunkan landskap di seluruh Qatar dengan mengengahkan konsep "Go Green Qatar", seiring dengan agenda kerajaan dan global dalam menangani krisis perubahan iklim.

Antara agenda yang digariskan adalah komitmen menanam 10 juta pokok di Qatar menjelang tahun 2030. Malaysia mempunyai peluang yang amat cerah dalam membekalkan pelbagai pokok tropika yang bersesuaian untuk Qatar dalam usaha tersebut.



Perbincangan dengan pihak Kerajaan Qatar di tapak pameran negara tersebut dan mencuba peluang untuk Malaysia mengeksport pokok untuk kempen "Go Green Qatar".



**RHS CHELSEA FLOWER
SHOW, CHELSEA,
LONDON**



RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London



The Great Pavilion yang menempatkan booth jualan dan pameran oleh penggiat industri landskap

PENGENALAN

Lawatan ini diadakan pada 28 Mei 2022 di tapak Royal Hospital Chelsea, Chelsea, London. Tujuan lawatan ini bagi mendapatkan business matching untuk industri landskap bagi pasaran luar negara.

Pertunjukan Bunga RHS Chelsea, secara rasminya dikenali sebagai Pertunjukan Musim Bunga Hebat, ialah pertunjukan taman yang diadakan selama lima hari pada bulan Mei oleh Persatuan Hortikultur Diraja di perkarangan Hospital Diraja Chelsea di Chelsea, London. Diadakan di Chelsea sejak 1912, pertunjukan tersebut dihadiri oleh ahli Keluarga Diraja British.

Chelsea Flower Show berlangsung selama 5 hari bermula pada 24 sehingga 28 Mei 2022. Namun begitu, pertunjukan bunga hanya dibuka kepada orang awam pada 28 Mei 2022.

Pertunjukan ini disertai oleh seramai 367 peserta dengan pelbagai bentuk pameran samada pameran taman dan landskap, barangan landskap, produk kraftangan, tanaman landskap, tanaman hiasan, tanaman berpasu, tropical indoor plant, perabot landskap, jentera, baja dan pelbagai produk yang berkaitan. Pameran taman dan landskap disertai oleh pelbagai pereka landskap dari dalam dan luar negara termasuk penglibatan pihak swasta.



Sekitar RHS Chelsea Flower Show 2022





Lawatan Teknikal RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London

Royal Botanic Gardens, Kew, England

Lawatan ini diadakan pada 27 Mei 2022 pukul 10 pagi dan disambut oleh Pengarah Royal Botanic Gardens, Kew, Mr. Richard Barley dan Kurator Koleksi Hidup iaitu Mr. Simon Toomer. Tujuan lawatan ini adalah bagi mendapatkan maklumat dan pandangan tentang penyelenggaraan landskap/taman, koleksi tanaman, pengurusan, operasi serta cabaran dalam menguruskan taman botani tertua ini. Perbincangan dengan pihak Royal Botanic Gardens, Kew juga mencari peluang kolaborasi dan mewujudkan jaringan kerjasama antara kedua-dua pihak untuk pembangunan taman botani di Malaysia terutamanya dalam aspek kepakaran dan koleksi tanaman.



Perbincangan delegasi bersama Mr. Richard Barley dan Mr. Simon Toomer.



Delegasi dibawa melawat sambil mendengar penerangan di sekitar Royal Botanic Gardens, Kew.



2

Het Nieuwe Instituut (HNI)

Lawatan teknikal yang diadakan pada 24 Mei 2022 pada sebelah pagi bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan tentang penyelidikan dan program bandar Rotterdam dalam reka bentuk bandar, pengurusan ruang awam serta pengurusan kemampunan bandar.


Het Nieuwe Instituut (HNI) ialah sebuah pusat kebudayaan di Rotterdam, Belanda. Ia memberi tumpuan kepada seni bina, reka bentuk dan budaya digital. HNI berada dalam bangunan yang direka oleh Jo Coenen di Museumpark 25 di tengah-tengah Rotterdam, bersebelahan dengan Museum Boijmans van Beuningen.



Palm House



Temperate House




Bangunan Het Nieuwe Instituut, Rotterdam


Lawatan Teknikal RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London

3 Museumpark Rotterdam

Delegasi juga membuat lawatan teknikal ke Museumpark Rotterdam iaitu taman yang terletak di belakang Boijmans van Beuningen Depot.

Museumpark Rotterdam adalah sebuah taman dikelilingi Westersingel, Rochussenstraat, Dijkzicht Hospital dan Westzeedijk. Terdapat dua jalan melalui taman ini iaitu Jongkindstraat dan Museum Park.





Delegasi dibawa melawat sekitar taman dan arboretum sambil mendengar penerangan oleh Mr. Gert Fortgens


4 Trompenburg Tuinen and Arboretum

Lawatan ini diadakan pada 24 Mei 2022 pukul 2 petang waktu Amsterdam dan taklimat diberikan oleh Mr. Gert Fortgens, Pengarah Urusan Trompenburg Tuinen and Arboretum. Tujuan lawatan ini adalah bagi mendapatkan maklumat dan pandangan tentang penyelenggaraan landskap/taman, koleksi tanaman, pengurusan, operasi serta cabaran dalam menguruskan arboretum ini. Pertemuan ini juga membuka peluang kolaborasi dan jaringan kerjasama antara Jabatan Landskap Negara dengan Trompenburg Tuinen and Arboretum dalam pembangunan taman botani di Malaysia.

Arboretum Trompenburg ialah taman botani di Rotterdam, Belanda, yang menempatkan koleksi besar tumbuhan berkayu serta herba. Ia menduduki kawasan seluas 7 ha dan terletak 4 m di bawah paras laut, jadi sistem terusan digunakan untuk pengairan dalam kawasan arboretum. Sejarah taman ini bermula pada abad ke-19.



Delegasi bergambar kenangan bersama-sama Mr. Gert Fortgens



Lawatan Teknikal RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London



Delegasi bergambar di hadapan pejabat Nieuwkoop Europe

5 Nieuwkoop Europe BV

Lawatan ini diadakan pada 25 Mei 2022 di De Kwakel, North Holland. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat pengurusan dan pengendalian pasaran tanaman hiasan jenis tropika di luar negara.

Nieuwkoop Europe BV ialah syarikat antarabangsa terkemuka dalam landskap dalaman dan pasaran rantaian bekalan yang berkaitan. Mereka mempunyai banyak tumbuhan dan penanam kebanyakannya mencari jalan ke projek perniagaan melalui landskap dalaman, arkitek, pengeksport, kedai bunga, kedai web dan peruncit hijau yang lain. Syarikat ini menjalankan aktiviti pembelian dan jualan di lebih 40 negara di seluruh dunia.



Delegasi bergambar bersama-sama Pengarah Urusan dan pemilik Nieuwkoop Europe BV





Lawatan Teknikal RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London



Sesi Bilateral RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London

Kedutaan Malaysia The Hague

Kunjungan hormat ke Kedutaan Malaysia The Hague adalah bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak kedutaan tentang industri landskap di Malaysia dan ingin mendapatkan kerjasama pihak MATRADE The Hague dalam mempromosikan industri landskap Malaysia terutamanya pasaran bagi tropical indoor plants.

Di samping itu sesi bilateral ini juga bertujuan memperkenalkan penggiat industri kepada pihak MATRADE agar pihaknya dapat membantu mempromosi serta memudahkan urusan pasaran indoor plants syarikat Malaysia di Belanda serta serantau Eropah.



Duta Besar Malaysia ke Belanda, H.E Dato' Nadzirah Osman telah sudi menerima kunjungan hormat delegasi Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap di Kedutaan Malaysia The Hague.



Delegasi bergambar kenangan bersama-sama Duta Besar Malaysia ke Belanda



Perbincangan bersama Duta Besar Malaysia ke Belanda dengan pegawai Matrade The Hague



Sesi Bilateral RHS Chelsea Flower Show, Chelsea, London



2 MATRADE London

Sesi perbincangan di MATRADE London mendapat sokongan dan kerjasama yang amat baik daripada pihak MATRADE. Pihak MATRADE memberi galakan kepada penggiat industri dan bersedia membantu dalam menyampaikan maklumat dan mempromosikan industri indoor plants dan lain-lain industri dalam bidang landskap dari Malaysia.

Pihaknya mencadangkan Jabatan Landskap Negara bersama-sama penggiat industri landskap di Malaysia agar turut serta dalam pelbagai trade fare yang dianjurkan MATRADE di pelbagai negara. Trade fare merupakan satu platform yang bagus dan berkesan dalam mempromosikan industri Malaysia dan banyak perjanjian perniagaan dengan pembeli luar negara dapat dimeterai.





**WORLD URBAN FORUM 11
(WUF11) 2022,
KATOWICE, POLAND**



PENGENALAN

Forum Bandar Dunia ke sebelas (WUF11) ialah persidangan antarabangsa berprestij yang dianjurkan oleh UN-Habitat untuk pertumbuhan bandar dan penempatan manusia telah pun melabuhkan tirainya pada 30 Jun 2022 yang lalu. Penglibatan Jabatan Landskap Negara dan KPKT dalam Forum Bandar Sedunia (WUF11) merupakan manifestasi kesungguhan Malaysia dalam membangun dan memulihara kawasan bandar yang lebih sihat dan mampan dengan menyediakan lebih banyak ruang hijau di dalam bandar.

**WORLD
URBAN
FORUM**
ELEVENTH SESSION



KATOWICE, POLAND | 26-30 JUNE 2022

TEMA WUF11 2022

“Transforming Our Cities for a Better Urban Future”

Jabatan Landskap Negara dan KPKT akan berkongsi komitmen dan peranan dalam menghijaukan kawasan perbandaran yang mampu mewujudkan urban mobiliti yang sihat di bandar, kawasan hijau yang bersih dan meningkatkan imej Bandar dan Landskap Perbandaran.



World Urban Forum 11 (WUF11) 2022, Katowice, Poland

SESI MALAYSIA DI WUF11

WUF11 bermula pada Ahad, 26 Jun 2022, dengan mengadakan perhimpunan WUF kumpulan berkepentingan utama.

Pembukaan rasmi berlangsung pada hari Isnin, 27 Jun. Sepanjang Forum, para peserta bersidang dalam dialog, meja bulat, dan sesi khas.

Sesi Malaysia di WUF11 melibatkan 24 jemputan rasmi kepada Kementerian, agensi persekutuan dan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pakar, universiti dan sektor swasta, yang masing-masing mempunyai wakil penceramah untuk dibentangkan di slot ceramah kami.

Secara keseluruhan, kami mengadakan 45 sesi di WUF11 termasuk jemputan UN-Habitat dan di bawah sesi ceramah Paviliun Malaysia yang diadakan dari 26-30 Jun 2022.

Malaysia Pavilion menerima pelawat dari Malaysia dan delegasi antarabangsa yang terdiri daripada kira-kira 1,033 orang. Dianggarkan 845 pelawat (mengikut lawatan) telah dialu-alukan di pavilion dalam jumlah empat hari Ekspo Bandar dibuka.



Jumlah Pelawat
1,033 orang

Jumlah Pelawat unik
845 orang



SESI WUF11

- 24** Speaking slots
- 1** Ministerial Roundtable
- *2** Bilateral Meeting
- 1** Technical Visit

SESI DI PAVILION MALAYSIA

- 21** Speaking slots
- 33** Speakers
- 2** Launching Events
- 4** Memorandum of Understanding



Turun bersama dalam acara tersebut adalah YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Ketua Pengarah PLAN Malaysia, CEO Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, SWCorp dan URBANICE Malaysia serta pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Universiti dan Agensi kerajaan. Majlis ini turut dihadiri oleh Duta Besar Malaysia ke Poland.

KUNJUNGAN HORMAT MENTERI KPKT KEPADA PENGARAH EKSEKUTIF UN-HABITAT 26 JUN 2022

YBhg. Dato' Paduka Maimunah binti Shariff Pengarah Eksekutif UN-HABITAT telah menerima kunjungan daripada YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 28 Jun 2022.

Dalam pertemuan itu, Puan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara membincangkan potensi untuk perkhidmatan Arkitek Landskap dan pemain industri Landskap tempatan agar dapat memainkan peranan lebih besar dalam penghijauan Bandar terutamanya di Negara membangun serta projek-projek pembangunan di bawah UN HABITAT.



YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara juga telah menyampaikan cenderahati sebagai tanda ingatan kepada YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Shariff, Executive Director for UN HABITAT.

World Urban Forum 11 (WUF11) 2022, Katowice, Poland

PELANCARAN PAVILION MALAYSIA 27 JUNE 2022

Penyertaan Malaysia di Katowice seterusnya mempamerkan pencapaian dan peranan negara dalam mempromosi dan melaksanakan pembangunan bandar yang mampan.

90 peserta pameran dari 43 negara termasuk Malaysia Pavilion mengambil bahagian di Ekspo Bandar WUF11.


TEMA WUF11 2022

“Liveable Malaysia : A Liveable Green Urban Nation”

Tema ini menyamai komitmen negara untuk Kemakmuran Bersama dan Pembangunan Mampan menjelang 2030.



Ini adalah sebahagian daripada komitmen negara untuk tidak meninggalkan sesiapa pun di belakang sambil memastikan pertumbuhan yang saksama, meningkatkan daya tahan dan mengimbangi pertumbuhan bandar dengan alam sekitar kelestarian



SESI BILATERAL BERSAMA KEMENTERIAN PERUMAHAN, UTILITI DAN KOMUNITI BANDAR, MESIR 27 JUN 2022

YBhg. Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan sesi bilateral bersama H.E Mr. Asseem Abdel Hamid El Gazzar Menteri Kementerian Perumahan, Utiliti dan Komuniti Bandar, Mesir. Turut Bersama adalah Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.



Pertemuan tersebut membincangkan hubungan dua hala kedua buah negara di dalam meningkatkan kerjasama di dalam sektor perumahan dan infrastruktur bandar. H.E Mr. Asseem juga menjemput pelabur dari Malaysia dalam projek bandar baharu di Cairo dan penyertaan pemain industri landskap tempatan di dalam perancangan dan pembinaan bandar baharu yang bakal mempunyai 1000 ekar kawasan hijau di bandar.

World Urban Forum 11 (WUF11) 2022, Katowice, Poland




SESI MEJA BULAT MENTERI 28 JUNE 2022

YB Menteri KPKT telah hadir ke sesi Meja Bulat Menteri bagi World Urban Forum Sesi Ke-11 di Katowice, Poland dengan tema Transforming Our Cities, For A Better Urban Future bersama dengan pemimpin dari lebih 160 buah negara.

Dalam perbincangan tersebut, YBM KPKT menyatakan bahawa Malaysia berada di landasan yang betul dalam mewujudkan persekitaran yang mampan. Sama seperti kebanyakan negara lain, kita sama-sama komited dalam melaksanakan Agenda Bandar Baharu. Malaysia adalah sebuah negara bandar, dengan 25.7 juta orang tinggal di bandar dan kawasan bandar. Isebenarnya salah satu negara yang paling berdaya huni di Asia Tenggara.

Bagi memastikan kemampanan dan perbandaran inklusif, Malaysia telah memperkenalkan dan melaksanakan beberapa dasar alam sekitar dan sosial yang merentasi daripada peringkat nasional, sub-nasional hingga tempatan. Malaysia adalah sebuah negara yang maju dari segi ekonomi, sambil membolehkan alam sekitar berkembang maju, dan rakyat Malaysia makmur.

Beliau telah menyatakan bahawa, Pelan Hala Tuju Bandar Raya Sustainable Development Goals Malaysia sedang disediakan oleh setiap pihak berkuasa tempatan untuk memperkukuh dan mempercepatkan pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan, meningkatkan kualiti hidup dan memacu impak positif dari segi sosial, ekonomi dan alam sekitar kepada masyarakat setempat.



World Urban Forum 11 (WUF11) 2022, Katowice, Poland

SESI KHAS: TACKLING URBAN HEALTH CHALLENGES IN A CHANGING WORLD 28 JUNE 2022

Ahli Panel :

YBrs. Puan Hajah Rotina Mohd Daik
Ketua Pengarah, Jabatan Landskap
Negara, Malaysia

YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap
Negara telah bersama delegasi
antarabangsa berkongsi pengalaman
Malaysia dalam aspirasi perbandaran
yang lebih baik melalui penghijauan
Bandar.

Pada 28 Jun 2022, YBrs. Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara telah
membentangkan kertas kerja bertajuk
Addressing Urban Health Issues Through
Ecological Landscape Design and
Adaptation, di bawah tema Tackling
Urban Health Challenges In A Changing
World.



Matlamat sesi itu adalah untuk membincangkan cabaran kesihatan yang dihadapi oleh pemimpin bandar dan beberapa pendekatan baharu untuk mengurus penyakit, termasuk pengesanan, mengurus wabak penyakit dan pencegahan melalui reka bentuk landskap bandar yang lebih baik.





PERTEMUAN BERSAMA DUTA BESAR MALAYSIA KE POLAND


YBhg. Dato Chitra Dewi Ramiah, Duta Besar Malaysia ke Poland telah meluangkan masa untuk bersama YBrs. Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara sempena WUF11 di Katowice, Poland.

Perbincangan singkat ini membincangkan potensi pelaburan industri landskap tempatan di negara Poland yang mengekalkan 50 % dari kawasan perbandaran untuk tujuan kawasan hijau dan taman.



Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara juga telah menyampaikan cenderahati iaitu buku Southeast Asia Landscape Architect.





LAWATAN TEKNIKAL, CITY REGENERATION AND SMART CITY KE GALERIA KATOWICKA

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara mengiringi YBhg. Dato' Chitra Dewi Ramiah, Duta Besar Malaysia ke Poland untuk mengetuai lawatan teknikal ke City Hall of Katowice yang diketuai oleh Mr. Maciej Stachura, City Secretary, Katowice City Hall.

Lawatan tersebut merupakan salah satu projek terbaik Urban Regeneration yang memulihara dan memelihara bangunan lama dan baru menjadi hub pengangkutan utama di Bandar Katowice.



SESI BILATERAL, PERBINCANGAN 2 HALA DAN LAWATAN PAVILION

Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara telah mengadakan beberapa Siri Bilateral, perbincangan 2 hala dan lawatan ke Pavilion Qatar, Pavilion Saudi Arabia dan Pavilion Morocco pada 29 Jun dan 30 Jun 2022 bersempena WUFI1.

Dalam pertemuan itu, Puan Ketua Pengarah JLN membincangkan potensi mempelopori pasaran perkhidmatan Perunding Arkitek Landskap dan pemain Industri Landskap Tempatan yang lain seperti pembekal peralatan permainan kanak-kanak, pengusaha nurseri tanaman dan lain-lain.

Usaha ini akan memberi peluang kepada pengiat industri agar dapat memainkan peranan lebih besar dalam penghijauan Bandar terutamanya di Negara yang sedang rancak membangunkan taman dan kawasan hijau di bandar.





World Urban Forum 11 (WUF11) 2022, Katowice, Poland

POCKET TALK

Jabatan Landskap Negara telah membentangkan satu tajuk yang sangat menarik iaitu "Bukit Kiara Federal Park, A Sanctuary in the City" yang disampaikan oleh Puan Fauzana binti Abdullah, Pengarah Bahagian Taman Persekutuan.



SERAHAN CENDERAHATI DARIPADA KETUA PENGARAH JLN



Bersempena lawatan Jabatan Landskap Negara ke projek rejuvenisasi Galeria Katawichka, wakil KP JLN iaitu En. Mohamad Sabrie Mansor telah menyerahkan buku Southeast Asia Landscape Architect sebagai tanda ingatan kepada Mrs. Magdelina Kolka, Deputy Director Investor Assistance Department of Katowice City Hall. @phua.landart.

THE MALAYSIA PAVILION

"A LIVEABLE GREEN URBAN NATION"





ANUGERAH INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH

Taman Kejiranan AU3, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur

LATAR BELAKANG

Taman Kejiranan AU3, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur

Projek ini merupakan Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah di mana Jabatan Landskap Negara telah memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang merancang, menyediakan, mengurus, menyelia dan membangunkan infrastruktur landskap yang komprehensif ke arah pencapaian Negara Taman Terindah.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membangunkan Taman Komuniti di kawasan lapang AU3, Setiawangsa.

Dengan terbinanya Taman Komuniti ini akan memberi kemudahan rekreasi dan kawasan lapang bagi aktiviti kemasyarakatan kepada penduduk di Taman Kejiranan AU3, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur.



PROGRAM PENGURUSAN LANDSKAP

Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap



**PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN
LANDSKAP**



TUJUAN

Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data, inventori pokok, penilaian ekonomi dan risiko pokok serta kerja-kerja perawatan pokok dibawah kawalan PBT.

SKOP KERJA

Dalam penyediaan spesifikasi kerja, pihak PBT perlu mengambilkira skop seperti yang digariskan supaya kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bagi pokok – pokok yang dikategorikan di bawah Perintah Pemeliharaan Pokok dapat dilaksanakan secara komprehensif dengan kaedah arborikultur yang betul. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut:

Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pengurusan Risiko Pokok-pokok di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)



OBJEKTIF

- Menyediakan inventori pokok yang dibawah kawalan PBT.
- Melaksanakan kerja-kerja Penilaian Risiko Pokok dan Penilaian Ekonomi Pokok bagi pokok-pokok yang telah diinventori.
- Melaksanakan kerja-kerja perawatan bagi pokok bermasalah melalui pendekatan arborikultur.
- Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko bagi pokok-pokok dibawah kawalan PBT.
- Menyediakan dan menaiktaraf sistem pengurusan pokok di PBT.



